

# BCCI pernah buat permohonan buka cawangan di KL

PETALING JAYA 13 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, Bank of Credit and Commerce International (BCCI) yang baru-baru ini menggemparkan dunia kewangan apabila terdedahnya skandal bahawa ia telah dijadikan alat membiayai kegiatan pengganas dan diktator dunia, pernah membuat permohonan untuk membuka cawangannya di sini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, permohonan BCCI telah ditolak oleh Bank Negara kerana tidak yakin dengan pengurusannya yang tidak teratur.

Menurut Perdana Menteri, BCCI mengemukakan permohonan itu kira-kira enam atau tujuh tahun lalu.

"Bahkan, ia juga cuba menubuhkan sebuah agensinya di sini tetapi tidak diluluskan," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan kad pengenalan baru di Ibu Pejabat Pendaftaran Negara di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada BCCI pernah membuat permohonan untuk menubuhkan bank di negara ini sepertimana yang pernah dibuatnya di Singapura.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, permohonan itu ditolak kerana dari awal lagi Bank Negara berpendapat bahawa pengurusan BCCI tidak begitu cekap.

"Kita awal-awal lagi sudah kenal BCCI.," tambah Perdana Menteri.

Julai lalu dunia dikejutkan dengan skandal keruntuhan BCCI yang dilaporkan telah dijadikan alat untuk membiayai beribu-ribu penjenayah di seluruh dunia termasuk kegiatan menggelapkan wang negara oleh diktator-diktator.

Laporan terbaru menyatakan kononnya bank itu telah digunakan oleh kumpulan Abu Nidal untuk membiayai kegiatan keganasannya di seluruh dunia sejak lebih 10 tahun lalu.

'Skandal bank tersebut telah disifatkan oleh media Barat sebagai kejatuhan terbesar dalam sejarah Bank Britain.

Kini sebuah lagi cawangannya di New York sedang disiasat oleh pihak berkuasa Amerika atas tuduhan yang sama.

Sementara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir juga berkata, langkah beberapa bank utama di negara ini menaikkan kadar asas pinjaman (BLR) adalah sebagai satu cara untuk mengurangkan pinjaman.

Menurutnya, jika kadar itu tidak dinaikkan, ramai orang akan membuat pinjaman untuk membeli barang-barang dan ini menyebabkan pengaliran keluar wang negara.

"Keadaan ini juga akan menyebabkan tekanan inflasi dan

sebagainya," ujar Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Malayan Banking Berhad dan Bank Bumiputera Malaysia Berhad menaikkan BLR sebanyak 0.25 peratus menjadi lapan peratus.